

Benteng, ban di Kedah, Selangor dimusnah ombak

➔ Tiada pemindahan penduduk dilaporkan di Perak

Oleh Rafidah Mat Ruzki, Mohd Roji Kawi, Petah Wazzan Iskandar, Ifwan Tun Tuah dan Nurul Fhatihah Zakinan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Fenomena air pasang besar yang melanda perairan sekitar Selangor, Kedah dan Perak mula menampilkan kesan kemusnahan teruk kepada pesisir pantai apabila benteng yang dibina sebagai penghadang ombak turut musnah.

Selain benteng sementara dibina penduduk menggunakan longgokan guni pasir sepanjang pesisir pantai, laluan batas ban yang menjadi pemisah antara laut, pantai dan tali air turut gagal menampung impak hentaman ombak yang didorong kelajuan angin sehingga 50 kilometer sejam (km/j).

Di **Sungai Petani**, BH yang meninjau lokasi terjejas di sekitar pesisir pantai di Kota Kuala Muda mendapati kesan kerosakan cukup jelas apabila struktur benteng di beberapa lokasi ranap sama sekali, terutama di Kampung Sungai Meriam dan Kampung Sungai Yu.

Berdasarkan maklumat, benteng berkenaan dibina penduduk bulan lalu iaitu ketika kali pertama kawasan berkenaan dibadai ombak akibat fenomena air pasang besar, namun kerosakan dialami semakin teruk apabila dibadai gelombang kedua bermula kelmarin.

Keadaan itu menyebabkan air laut

melimpah bukan sahaja ke tali air dan sawah berhampiran, tetapi turut memenuhi kawasan penempatan menyebabkan sekurang-kurangnya 24 keluarga membabitkan 85 mangsa terpaksa berpindah ke empat pusat pemindahan.

Seorang penduduk Kampung Paya, Abdul Samad Othman, 69, berkata batas ban di kampung itu dan kampung bersebelahan tidak lagi mampu menahan ombak sejak fenomena air pasang besar mula berlaku bulan lalu sehingga menyebabkan kawasan berkenaan dinaiki banjir sehingga paras 0.5 meter.

"Ia (benteng dan batas ban) rosak teruk dan jika ia tidak dibaiki segera, maka sudah pasti sawah yang terjejas tidak dapat digunakan... selain tali air yang menyedikan bekalan air bersih untuk ke bendang juga dipenuhi air masin," katanya.

Penduduk Kampung Masjid, Saifurizal Mohamad, 51, berkata setiap kali air pasang rumahnya akan dibanjiri sehingga menyebabkan kawasan rumah dipenuhi air, malah ban yang ada juga rosak dan tidak mampu menahan ombak.

Pelan pembangunan benteng

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga negeri, Datuk Badrol Hisham Hashim, berkata pihaknya mempunyai pelan pembangunan benteng di sepanjang pesisiran pantai sejauh tujuh kilometer di kawasan berkenaan yang membabitkan kos RM16 juta.

Katanya, kertas cadangan pembinaan akan dibentangkan kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan jika dapat dibuat dalam masa terdekat, ia mampu menyelesaikan masalah dialami untuk jangka masa panjang.

Di **Klang**, penduduk Kampung Seri Keramat yang menghadapi banjir selepas benteng sepanjang 40 meter di kampung itu pecah, mende-

sak kerajaan Selangor membina benteng konkrit dan menanam pokok bakau di kawasan berkenaan.

Penduduk, Ishak Hanafiah, 57, berkata tanah gembur digunakan membina semula benteng tidak sesuai kerana boleh dihanyutkan arus deras pada masa depan.

"Saya kena tiga kali (banjir), pagi tadi ketinggian air mencecah satu meter. Lima hari lepas ia dibaik pulih kena lagi. Jadi saya persoalkan di manakah kualitinya?"

"Saya tidak menyalahkan petugas kerana mereka sudah bekerja sehingga malam, sebaliknya apa bahan yang digunakan?"

"Saya minta jaminan tapi dia (Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali) kata sementara. Kita boleh terima jaminan sementara tetapi sampai bila?" katanya.

Terdahulu, Mohamed Azmin ketika ditemui pemberita, berkata hanya satu benteng di Selangor pecah akibat air pasang besar kali ini.

Katanya, pada masa ini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang menambak kawasan itu, termasuk meletakkan kira-kira 4,000 guni pasir untuk mengukuhkan struktur berkenaan.

Benteng yang pecah itu menyebabkan Kampung Seri Keramat tiga kali dilanda banjir sejak pagi kelmarin, sehingga memaksa lebih 100 penduduk berlindung di pusat pemindahan banjir di Dewan Datuk Ahmad Razali.

Di **Ipoh**, Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Manjung menggunakan 3,000 beg guni berpasir sebagai benteng bagi mengurangkan risiko dinaiki air berpunca daripada fenomena air pasang besar di Kampung Bagan Panchor, Pantai Remis.

Jurutera JPS Daerah Manjung, M Sasitharan, berkata kedudukan kampung itu yang berhampiran dengan laut dan dikelilingi sungai antara faktor ia mudah dinaiki air.



Untuk video

layari www.bharian.com.my